

3.2.2020

## **KENYATAAN MEDIA**

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

## **PBAPP RAIH ANUGERAH INSENTIF KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG KALI KETIGA BERTURUT-TURUT**

- **“Pencapaian Terbaik oleh sebuah Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang”**
- **PBAPP menerima keseluruhan 16 anugerah dan pensijilan pada tahun in 2019**

PULAU PINANG, Isnin, 3.2.2020: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) menerima anugerah insentif Kerajaan Negeri ke-3 berturut-turut Khamis lalu (30.1.2020).

Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Chow Kon Yeow menyampaikan anugerah itu kepada PBAPP pada majlis “Perhimpunan Kakitangan Awam bersama Ketua Menteri Pulau Pinang” di Grand Ballroom, The Top, Komtar.

Anugerah insentif sebanyak RM15,000.00 itu adalah untuk “Pencapaian Terbaik Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang” pada tahun 2019. PBAPP sebelum ini telah memenangi insentif negeri yang sama untuk pencapaiannya bagi tahun 2017 dan 2018.

PBAPP adalah syarikat berkaitan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang memegang saham majoriti dan saham emas dalam PBA Holdings Bhd (PBAHB), syarikat pegangan yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia.

Pada tahun 2019, PBAPP dan PBAHB menerima 16 anugerah dan pensijilan dari pelbagai organisasi kerajaan dan bukan kerajaan.

Anugerah ini adalah untuk pencapaian kejuruteraan bekalan air, latihan kecekapan industri bekalan air, pengurusan, perkhidmatan awam, mesra

alam sekitar, keselamatan & kesihatan pekerjaan, penyelidikan kitar semula sisa, perhubungan majikan-pekerja, ujian makmal dan ganjaran pemegang saham.

### Anugerah pertama PBAPP bagi memulakan perkhidmatan ke-21 tahun

PBAPP dikorporatkan pada tahun 1999.

Mengimbas kembali, penggunaan air Pulau Pinang telah meningkat sebanyak 20.4%, daripada 700 juta liter sehari (MLD) pada tahun 1999 kepada 842.6 MLD pada tahun 2019. Bilangan pengguna air di Pulau Pinang juga meningkat sebanyak 86.5%, daripada 338,523 pengguna pada tahun 1999 kepada 631,250 pengguna pada tahun 2019.

Selama bertahun-tahun, PBAPP mengekalkan bekalan air yang berterusan di Pulau Pinang, tanpa kejadian catuan air. Walaupun peningkatan permintaan air dan peningkatan yang ketara dalam bilangan pengguna air, PBAPP terus mengekalkan liputan bekalan 100% di bandar dan 99.8% di luar bandar di Pulau Pinang pada tahun 2019.

Hasil ujian air 2019 juga menunjukkan bahawa air terawat PBAPP adalah antara yang paling bersih, paling sihat dan paling selamat di Malaysia, berdasarkan parameter yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan di bawah Program Jaminan Kualiti (QAP).

Bagi pihak PBAPP, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk pengiktirafan dan ganjaran bagi pencapaian yang baik kami pada tahun 2019.

Insentif “Pencapaian Terbaik oleh Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang” ini akan menjadi faktor motivasi yang kuat bagi kami, dalam kami menuju ke arah tahun ke-21 perkhidmatan untuk Pulau Pinang dan rakyatnya pada tahun 2020.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat

Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)



**30.1.2019 : Public Service Personnel Gathering with the Penang Chief Minister  
PBAHB & PBAPP CEO DATO' IR JASENI MAIDINSA RECEIVING  
THE "BEST ACHIEVEMENT BY A PENANG STATE GOVERNMENT DEPARTMENT"  
AWARD FROM YAB TUAN CHOW KON YEOW.**





**30.1.2019 : Public Service Personnel Gathering with the Penang Chief Minister  
PBAPP EARNS 3RD CONSECUTIVE  
PENANG STATE GOVERNMENT INCENTIVE AWARD**